

11/02/1998

Syor lanjut khidmat pegawai awam

Pegawai Awam

SEJAK negara mengalami kegawatan ekonomi dan kejatuhan nilai ringgit, pelbagai langkah jimat-cermat diambil oleh kerajaan.

Satu daripadanya ialah tidak membenarkan pegawai awam bersara pilihan kerana ia akan membabitkan pembayaran ganjaran perkhidmatan.

Baru-baru ini Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapannya ketika menghadiri dialog `Wanita dan Ekonomi Semasa' anjuran Bakti, meminta rakyat lebih patriotik dalam usaha membantu kerajaan menangani kegawatan ekonomi negara.

Antara langkah yang disarankannya ialah meningkatkan simpanan di institusi kewangan tempatan, menjual barang kemas oleh wanita serta menjual harta yang dimiliki di luar negara untuk dilabur di tanah air.

Dalam hal membantu kerajaan menangani kegawatan ekonomi sekarang, ingin saya mengesyorkan kepada kerajaan agar memberikan tawaran pilihan kepada pegawai awam yang akan bersara had umur (mencapai 55 tahun) pada 1999 untuk melanjutkan perkhidmatan selama dua tahun sebagai perkhidmatan tidak berpencen.

Bagi yang akan bersara pada tahun 2000 pula diberikan tawaran melanjutkan perkhidmatan yang serupa selama satu tahun.

Dengan ini kerajaan akan dapat menjimatkan perbelanjaan yang besar selama dua tahun dari segi pembayaran ganjaran perkhidmatan kepada pesara.

Walaupun pihak kerajaan mengatakan ekonomi negara pulih dalam masa yang terdekat, namun dengan mengambil langkah melanjutkan perkhidmatan pegawai awam yang akan bersara had umur dalam keadaan ekonomi yang melanda negara sekarang akan lebih menguntungkan kerajaan.